

LOS ANGELES, Rabu — Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, lapangan terbang Pulau Pinang akan dibuka kepada penerbangan sewa khas dan pulau itu juga akan dimajukan menjadi pintu masuk ke Timur Jauh bagi para pelancong.

Berucap kepada lebih 60 pengusaha pelancongan dari kawasan timur Amerika, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, hak mendarat bagi penerbangan-penerbangan sewa khas akan diberi tanpa meminta sebarang hak mendarat balasan.

Beliau memberi jaminan, usaha-usaha akan dibuat untuk membaiki kemudahan di lapangan terbang Pulau Pinang termasuk dari segi keselamatan.

Timbalan Perdana Menteri berharap para pengusaha pelancongan akan menggunakan Pulau Pinang sepenuhnya dalam jadual tempat-tempat pelancongannya.

Beliau berkata, Kerajaan Malaysia akan membantu para pengusaha pelancongan yang berniat untuk mengadakan lawatan pelancongan ke negeri itu.

Landasan di Lapangan terbang Bayan Lepas telahpun siap manakala bangunan terminalnya dijangka siap bulan Disember ini.

Dato Seri Dr. Mahathir, yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, sedang mengetuai rombongan galakan pelaburan Malaysia ke Amerika Syarikat yang akan bertolak ke Houston, Texas, esok.

Bercakap kepada wakil-wakil akhbar yang mengikuti lawatan itu, Timbalan Perdana Menteri berkata sambutan dari kalangan pengusaha Amerika di bahagian sebelah sini, adalah memuaskan.

Wakil-wakil sektor swasta yang turut

Mahathir beritahu pelawat: Pinang punyai segala2

menyertai misi tersebut buat kali pertamanya, telah juga mengadakan perbincangan yang berfaedah dengan rakan sejawat mereka di Amerika.

Berbagai pertanyaan termasuk mengenai perusahan yang berasaskan kayu dan lain-lain industri di Malaysia telah diterima dari mereka.

Sambutan

Beliau menjangka sambutan yang lebih baik akan diterima di seminar-seminar yang akan diadakan di Houston, New York, Chicago dan Seattle.

Terdahulu dari itu ketika menjawab satu pertanyaan mengenai hubungan Malaysia dengan Vietnam di satu majlis jamuan tengah hari,

Dato Seri Dr. Mahathir menegaskan, Malaysia menyambut baik usaha Hanoi untuk mengadakan hubungan yang lebih rapat.

Ditanya tentang keselamatan di rantau Asia Tenggara berhubung dengan negara-negara komunis, beliau berkata Malaysia merasakan dirinya tidak terancam.

Beliau juga berkata negara-negara ASEAN sedang bekerja rapat di bidang perdagangan.

Katanya, lebih banyak sekatan tarif sedang ditarik balik di kalangan negara-negara ASEAN dan para pekilang yang menubuhkan perusahan mereka di rantau itu boleh mengeksport keluaran mereka ke lain-lain negara anggota. — Bernama.